

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' JUHANIS BINTI
ABD AZIZ**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Dato' Juhanis binti Abdul Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauhmanakah negara telah mencapai ketetapan dan Pelan Bertindak dan Deklarasi Beijing 1995 berkaitan dengan pengupayaan hak-hak wanita. Apakah tindakan khusus untuk mencapai kadar 30% penglibatan wanita dalam bidang pembuat keputusan diterima pakai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing 1995 telah dipersetujui untuk diterima pakai melalui Persidangan Wanita Sedunia Ke-4: Tindakan untuk Kesaksamaan, Pembangunan dan Keamanan (*Fourth World Conference on Women: Action for Equality, Development and Peace*) yang telah dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 4 hingga 15 September 1995 di Beijing, China.

Berhubung dengan pencapaian terkini, Malaysia telah berjaya meningkatkan penyertaan wanita dan mengurangkan jurang dalam kebanyakan isu-isu kritikal yang ditetapkan **kecuali dalam bilangan wanita dalam politik dan jawatan yang membuat keputusan serta kadar penyertaan tenaga buruh wanita.**

Dalam hal ini, Kerajaan telah mengumumkan pernyataan dasar untuk mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai pembuat keputusan di sektor awam pada tahun 2004 dan di sektor swasta pada tahun 2011. Berdasarkan statistik oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2020, terdapat 38.2% penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas. Manakala di sektor swasta pula, baru mencecah 25.8% dan ini adalah berdasarkan keanggotaan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas.

Antara inisiatif kerajaan bagi mengiktiraf peranan wanita dalam proses membuat keputusan dan memperkukuh kepimpinan seperti berikut:

i) **Bajet 2022**

- a. Kerajaan melalui **Suruhanjaya Sekuriti** akan mewajibkan pelantikan **sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita** bagi semua syarikat senaraian awam.
- b. Cadangan ini dijangka akan **berkuat kuasa pada 1 September 2022** bagi syarikat bermodal besar dan 1 Jun 2023 bagi syarikat tersenarai lain.

- c. Cadangan ini juga akan membuka ruang kepada wanita untuk tampil lebih ke hadapan dalam bidang pembuat keputusan.
- d. Peruntukan sebanyak **RM5 juta kepada Yayasan Kepimpinan Wanita** yang dijangka dapat merencanakan penyertaan wanita dalam sektor ekonomi antaranya melalui latihan kepimpinan muda dan program keusahawanan.

ii) **Tafsiran Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan**

Kementerian juga sedang meneliti semula tafsiran wanita di peringkat pembuat keputusan kerana ia dilihat terhad dalam konteks lembaga pengarah sahaja sedangkan ramai lagi wanita yang dilantik untuk memegang jawatan di peringkat pengurusan tertinggi yang lain.

iii) **Program Kepimpinan**

- a. Pelbagai program telah dilaksanakan dalam usaha melahirkan lebih ramai pemimpin dalam kalangan Wanita.
- b. Kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah mengadakan Program Pemerksaan Gender dan Kepimpinan Wanita Berkerjaya serta Program Pemerksaan Gender dan Kepimpinan Wanita Muda di semua negeri melalui Pejabat Pembangunan Negeri dan Jabatan Hal-Ehwal Wanita Sabah kecuali negeri Sarawak.
- c. Secara keseluruhannya, pada tahun 2021 ini sehingga 30 November 2021 seramai **6,686 wanita** telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan kedua-dua program ini.

Sekian, terima kasih.